

NO. SOALAN : 159

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

SOALAN :

YB. Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah kesan terhadap jumlah pelancong ke Sabah berikut dengan kes penculikan yang berlaku baru-baru ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti kehilangan pesawat MH 370 dan siri penculikan telah mengakibatkan pembatalan tempahan terutamanya dari negara China. Sehingga penghujung April 2014, sebanyak 30,000 tempahan dilaporkan telah dibatal atau ditangguhkan, di mana seramai 8,913 tempahan merupakan kehilangan muatan penumpang akibat pembatalan 76 penerbangan berjadual dan sewa khas dari China seperti berikut:

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzhen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memastikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat insiden ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

SOALAN :

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran statistik berkenaan golongan yang berpendapatan di bawah RM1,000 dan di bawah RM3,000 bagi negeri Sabah dari segi bilangan isi rumah dan etnik bagi tahun 2010 hingga 2014.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Maklumat pendapatan isi rumah dikumpulkan melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) yang dijalankan dengan kekerapan dua penyiasatan bagi setiap lima tahun. Penyiasatan PPIR yang terkini ialah pada 2012 dan penyiasatan sebelumnya adalah pada 2009.

Bilangan isi rumah yang berpendapatan RM1,000 dan ke bawah bagi negeri Sabah telah berkurang daripada 91.3 ribu pada tahun 2009 kepada 38.8 ribu pada 2012. Manakala, bagi kumpulan pendapatan RM3,000 dan ke bawah telah berkurang dari 322.1 ribu isi rumah pada 2009 kepada 271.6 ribu pada 2012. Ini bermakna bilangan isi rumah berpendapatan lebih RM3,000 sebulan telah meningkat dari 177.4 ribu kepada 254.6 ribu.

Dari segi bilangan isi rumah mengikut etnik, bilangan isi rumah Bumiputera yang berpendapatan RM1,000 dan ke bawah adalah 87.5 ribu pada 2009 dan 36.3 ribu pada 2012. Manakala, kumpulan pendapatan RM3,000 dan ke bawah adalah 284.3 ribu isi rumah pada 2009 dan 246.8 ribu pada 2012. Bagi etnik Bukan Bumiputera pula, bilangan isi rumah yang berpendapatan RM1,000 dan ke bawah adalah 3.8 ribu pada 2009 dan 2.5 ribu pada 2012. Manakala, bagi kumpulan pendapatan RM3,000 dan ke bawah adalah 37.8 ribu isi rumah pada 2009 dan 24.8 ribu pada 2012.

Sekian, terima kasih.